

MPC(DMO) 600-3/2/42

12 Februari 2021

Encik Norul Rafidi Zakaria

SCRIBBLES SCAMPS CREATIVE

11-1A, Medan Bukit Indah 1, Taman Bukit Indah,

68000 Ampang Selangor DarulEhsan

Tuan,

PELANTIKAN SEBAGAI PENYEDIA PERKHIDMATAN PROFILING KESEPADANAN ANTARA GRADUAN TEKNOLOGI DIGITAL DAN INDUSTRI BAGI PROGRAM *INTERNSHIP DIGITAL STARS DARI MAC – APRIL 2021*

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2 Sukacita dimaklumkan bahawa Sekretariat *Digital Productivity Nexus (DPN)*, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bersetuju untuk melantik tuan untuk melaksanakan perkhidmatan seperti dinyatakan di atas.

3 Pelantikan tuan untuk melaksanakan projek ini adalah berdasarkan terma seperti di **Lampiran 1** yang mengambil masa dari bulan **15 Mac 2021 hingga 30 April 2021**. Jumlah keseluruhan bayaran termasuk bayaran perkhidmatan,

melaksanakan tugas bagi program ini sebanyak **RM 6,000.00**. Bayaran ini akan dibayar oleh MPC adalah mengikut kemajuan kerja seperti yang dinyatakan di dalam **Lampiran 1**.

4. Sekiranya pihak tuan bersetuju dengan lantikan ini, sila maklumkan pengesahan ini dengan mengembalikan surat Akuan Setuju Terima seperti di kepada pihak kami dalam tempoh **7 hari** daripada tarikh surat ini. Kegagalan tuan mengesahkan persetujuan ini dalam tempoh tersebut menyebabkan tawaran ini terbatal dengan sendirinya.

5. MPC amat mengharapkan komitmen dan kerjasama yang tinggi dari pihak tuan dalam memberi perkhidmatan profiling kesepadanan graduan teknologi digital dan industri.

Sekian, terima kasih.

“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SUHAIMI HAMAD)
b/p Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

SURAT AKUAN

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Lorong Produktiviti Off Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya, Selangor
(U.P: Dr. Halimahton Sa'diah Let / Nurul Fatimah Mohd Azlan)


**PELANTIKAN SEBAGAI PENYEDIA PERKHIDMATAN PROFILING
KESEPADANAN ANTARA GRADUAN TEKNOLOGI DIGITAL DAN
INDUSTRI BAGI PROGRAM *INTERNSHIP DIGITAL STARS DARI MAC –
APRIL 2021***

Merujuk kepada perkara di atas,

Saya, NORUL RAFIDI ZAKARIA.....dengan ini menerima tawaran oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) sebagai **PENYEDIA PERKHIDMATAN PROFILING KESEPADANAN ANTARA GRADUAN TEKNOLOGI DIGITAL DAN INDUSTRI BAGI PROGRAM *INTERNSHIP DIGITAL STARS DARI MAC – APRIL 2021***

Terima kasih

Tandatangan



(Norul Rafidi Zakaria)

Maklumat	
Nama :	NORUL RAFIDI ZAKARIA
No. IC	761012-08-6291
Organisasi :	SCRIBBLES SCAMPS CREATIVE
Jawatan	IT DEVELOPER
Alamat	11-1A, MEDAN BUKIT INDAH 1, TAMAN BUKIT INDAH, 68000 AMPANG, SELANGOR
No. Tel. (Pejabat):	
No. Tel. (HP):	0122573180
Email:	rafidiz@gmail.com
No. Akaun Bank:	7028602071
Nama Bank:	CIMB

Lampiran 1

1.0 Skop Kerja Projek

Adalah menjadi tanggungjawab pembekal perkhidmatan untuk membantu MPC dalam kesepadanan maklumat antara graduan teknologi digital dan industri secara efektif melalui pendekatan yang diambil seperti jadual di bawah:

- i. Memudahcara dalam merangka perancangan pengurusan program *Internship Digital STARS* merangkumi;
 - kesepadanan antara graduan teknologi digital dan industri;
 - mengemaskini kemasukan profiling graduan teknologi digital dan industri ke portal Digital STARS; dan
 - menyediakan laporan penilaian bagi kedua-dua kumpulan tersebut selepas program.
- ii. Melatih Sekretariat DPN agar celik digital mengenai penggunaan alat dan peralatan bagi pengurusan program tersebut; dan
- iii. Mendokumentasi program *Internship Digital STARS* untuk dilaporkan kepada pemegang taruh.

2.0 Perincian aktiviti dan pembayaran

Berikut adalah komponen bayaran pembekal perkhidmatan dan pembayaran:

Perkara		MAC			APRIL			
		M3	M4	M5	M1	M2	M3	M4
1	Memudahcara, melatih dan mendokumentasi pengurusan program <i>Internship Digital STARS</i> merangkumi;							
	• kesepadanan antara graduan teknologi digital dan industri;							
	• mengemaskini kemasukan profiling graduan digital teknologi dan industri ke portal Digital STARS;							
	• menyediakan laporan penilaian bagi kedua-dua kumpulan tersebut selepas program dijalankan.							
	• mendokumentasi program <i>Internship Digital STARS</i> untuk dilaporkan kepada pemegang taruh.							

3.0 Syarat Pelantikan

1. Bersetuju untuk menjalankan projek sehingga tamat mengikut surat tawaran;
2. Menghantar laporan program mengikut jadual yang telah ditetapkan (seminggu selepas aktiviti terakhir dijalankan) bersama **invois asal** kepada pegawai petugas MPC;
3. MPC tidak bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan penginapan kepada pembekal;
4. Kos pengangkutan/logistik akan ditanggung sendiri oleh pihak pembekal (sekiranya berkenaan); dan
5. MPC berhak menarik balik tawaran pada bila-bila masa jika ada syarat-syarat tidak dipatuhi.

